

27 MAY 2001

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA PRESIDEN AZERBAIJAN

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah telah mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Azerbaijan Heydar Aliyev sempena Hari Kebangsaan republik itu.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan salam takzim kepada Tuan Yang Terutama dan rakyat Azerbaijan," menurut kenyataan hari ini.

Seri Paduka Baginda berdua yakin bahawa di bawah kepimpinan Aliyev, Republik Azerbaijan akan terus menikmati keamanan dan kemajuan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada Perdana Menteri Azerbaijan Artur Rasizade dengan harapan semoga hubungan persahabatan dan mesra antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada rakan sejawatan beliau Vilayat Moukhtar Oglu Guliyev berkata beliau yakin bahawa terdapat skop yang luas bagi kedua-dua negara bekerjasama rapat untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala.

"Saya berharap bahawa hubungan mesra dan persahabatan antara kedua-dua negara akan terus berkembang dan bertambah kukuh pada tahun-tahun akan datang," kata beliau.

-- BERNAMA

NHA NZ FAZ